

24/10/1998

Cabaran proses pemulihan

PEMULIHAN ekonomi negara yang dijangka bermula hujung tahun ini menghadapi cabaran enam risiko utama yang boleh membawa pergolakan baru di pasaran kewangan serantau dan menjejaskan permintaan luar terhadap eksport dan ekonomi Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, oleh kerana krisis kewangan sekarang merebak hampir ke seluruh dunia, rakan perdagangan Malaysia tidak lagi mampu membeli barangan eksport negara.

Membentangkan Belanjawan Negara 1999, Dr Mahathir berkata, faktor risiko lain ialah negara yang menghadapi masalah ekonomi akan meningkatkan halangan perdagangan bagi melindungi hasil pengeluaran mereka.

"Jika krisis kewangan merebak, lebih banyak negara membangun akan memerlukan pinjaman untuk mengatasi kegawatan.

"Ini akan memaksa Malaysia bersaing bagi mendapatkan pinjaman dari luar negeri pada kos yang munasabah," katanya.

Risiko keempat, tegas Perdana Menteri, ialah kemungkinan Amerika mengalami keranapan sumber kewangan.

Kesan daripada keranapan sumber kewangan itu ialah Amerika menjadi pasaran yang lemah, sekali gus menjejaskan permintaan luar eksport negara.

Laluan pemulihan ekonomi negara juga boleh terjejas kerana pengguna Jepun masih tidak yakin mengenai pemulihan ekonomi negara mereka dan ini melembapkan permintaan dari Jepun, satu-satunya pasaran besar bagi Malaysia.

(END)